

Manuscript Received Date: 18 November 2018
Manuscript Accepted Date: 12 March 2019
DOI: <https://doi.org/10.33102/ulum.2019.27.05>

Kedudukan Hadis *Iftirāq al-Ummah* Menurut Neraca Para Ulama Hadis

[The Position of Hadith *Iftirāq al-Ummah* According to The Scholars of Hadith]

Mohd Zohdi Mohd Amin

Profesor Madya, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan
zohdi@usim.edu.my; zohdi@hotmail.com

Ahamad Asmadi Sakat

Profesor Madya, Jabatan Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
aas@ukm.edu.my

A. Irwan Santeri Doll Kawaiid

Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.
a_irwan@usim.edu.my

Abstrak

Perpecahan umat Islam kepada 73 puak telah diberitakan oleh Rasulullah melalui sebuah hadis yang dikenali sebagai hadis *Iftirāq al-Ummah*. Hadis ini menjelaskan bahawa wujudnya satu puak yang berada dalam kebenaran (*al-Firqah al-Nājiyah*), manakala puak yang selebihnya disifatkan sebagai puak yang sesat. Rentetan itu, terdapat puak yang mendakwa diri masing-masing sebagai *al-Firqah al-Nājiyah*, sekaligus melontar kesesatan terhadap pihak yang bertentangan dan berlainan aliran. Keadaan ini mendorong sesetengah pihak menolak hadis ini kerana dianggap sebagai punca perbalahan dan perpecahan umat. Sewajarnya penolakan sesebuah hadis perlulah berdasarkan kepada kekuatan dan kelemahan sandaran sanad hadis dan tidak semata-mata bergantung kepada sangkaan wujudnya *'illah* pada makna hadis. Justeru kajian kualitatif dijalankan terhadap 33 periyawatan hadis *Iftirāq al-Ummah* yang diriwayatkan melalui 14 orang para sahabat. Analisis sanad hadis dengan mengikut metode ahli hadis dijalankan terhadap rantaian sanad hadis di samping penilaian terhadap pertautan di antara sanad. Kajian mendapati bahawa sebahagian sanad hadis ini berada pada kedudukan hasan, dan dapat ditingkatkan ke tahap sahih dengan adanya *shawāhid* daripada lima periyawatan para sahabat. Setiap riwayat tersebut menguatkan di antara satu sama lain. Manakala riwayat yang selainnya tidak lekang daripada kecacatan dan kelemahan periyawatnya. Riwayat yang *sahih* menjelaskan bahawa *al-Firqah al-Nājiyah* ialah *al-Jamā'ah* dan *al-Sawād al-A'zam*.

Kata kunci: *Hadis Iftiraq Ummah, Kesederhanaan, al-Firqah al-Nājiyah, Perpecahan Ummat.*

Abstract

The division of Muslims into 73 sects was revealed by the Prophet Muhammad (Peace be upon him) and it is reported in a hadith, known as hadith of *Iftirāq al-Ummah*. This hadith clarifies the existence of one of the sects which is in the right path, named *al-Firqah al-Nājiyah*, whilst the rest

of the sects are described as unjust sects and Allah SWT promised them Hell. Consequently, there are sects claiming themselves to be the *al-Firqah al-Nājiyah* and labelling the others who are not in agreement with them as unrighteous. This circumstance evoked certain parties to reject this hadith because it is thought to be the root of schisms and disunity of the people. The rejection of the hadith however should be based on the strength and weakness of the reliance on the hadith's *sanad* and does not rely solely on the assumption of *Illah*'s existence from the *sanad*'s meaning. Hence, this qualitative study was conducted upon 33 reports of hadith *Iftirāq al-Ummah* from 14 *sahabahs* of Prophet Muhammad. The evaluation is made based on the discussions among the trustworthy scholars of hadith by analyzing the chain of narrators and the relation between the chains of narrators. The study found that this hadith was reported from five *sahabah r.a* which was originally at *hasan* level and could be upgraded to *sahih* level with the assistance of *shawahid* from the report of five narrations of *sahabah*. Each of the narration supported and strengthen each other. Whereas the rest of the narrations are not escaped from flaws and weaknesses of the narrators. *Sahih* level of narrations explained that *al-Firqah al-Nājiyah* was *al-Jama'ah* and *al-Sawad al-A'zam*.

Keywords: *Hadith of Iftiraq Ummah, moderation, al-Firqah al-Nājiyah, disunity of the Ummah*

Pendahuluan

Peristiwa yang menggambarkan perpecahan umat Islam kepada puak berdasarkan kepada aliran pemikiran boleh di anggap sebagai suatu yang lumrah. Bermulanya perpecahan umat setelah peristiwa pembunuhan 'Uthman bin 'Affan, khalifah ketiga Umat Islam hingga ke hari ini, dunia Islam tidak pernah sunyi dengan isu perpecahan umat. Begitu banyak puak yang muncul sama ada berunsur politik maupun berunsur aliran pemikiran. Hakikat ini telah diberitakan oleh Rasulullah s. a. w 1434 tahun yang lalu. Iaitu melalui sabda Baginda s. a. w:

"أَفْتَرَقَتِ الْيَهُودُ عَلَىٰ إِخْدَى وَسَبْعِينَ فِرْقَةً، فَوَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ، وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ، وَأَفْتَرَقَتِ النَّصَارَىٰ عَلَىٰ ثَتَّانِينَ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً، فَإِخْدَى وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ، وَوَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ، وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَتَفْرِقَ أُمَّتَي عَلَىٰ تَلَاثَ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً، وَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ، وَثَتَّانِ وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ" ، قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ هُمْ؟ قَالَ: "الْجَمَاعَةُ"

Maksudnya: "Orang Yahudi telah berpecah kepada tujuh puluh satu puak, satu puak (daripadanya) di syurga, dan tujuh puluh puak di neraka, dan orang-orang Nasrani telah berpecah kepada tujuh puluh dua puak, tujuh puluh satu puak di neraka, satu puak (daripadanya) di syurga, demi diri Muhammad di dalam kekuasaanNya (Allah), umatku pastinya akan berpecah kepada tujuh puluh tiga puak, satu puak (daripadanya) di syurga, dan

tujuh puluh dua puak di neraka. Rasulullah telah ditanya: Wahai Rasulullah siapakah mereka? Baginda menjawab; *al-Jama'ah*. (Ibn Majah, 1997, p. 352 #3992)

Hadis yang lebih di kenali sebagai hadis *Iftirāq al-Ummah* ini, mencuri perhatian banyak pihak kerana dengan jelas menggambarkan bahawa umat Muhammad s. a. w berpecah kepada 73 puak, manakala umat Yahudi kepada 71 puak dan Nasrani 72 puak. Disifatkan bahawa semua puak tersebut berada di Neraka, iaitu menggambarkan kesesatan puak tersebut. Hanya satu puak sahaja yang terselamat daripada Neraka, menggambarkan bahawa mereka berada di atas kebenaran. Puak yang satu tersebut dikenali sebagai *al-Firqah al-Nājiyah*, iaitu puak yang terselamat. Rentetan itu, wujud pihak yang mendakwa sebagai *al-Firqah al-Nājiyah* sekaligus melemparkan tuduhan kesesatan kepada pihak yang tidak sealiran atau pesaingnya. Ini menjadikan keadaan perpaduan yang sudah sedia "retak menanti belah" menjadi semakin parah.

Lantaran sikap menuding jari dengan menggunakan hadis ini, muncul pula pihak yang meragui ketulenan hadis ini bahkan ada yang terus mengklasifikasikan hadis ini sebagai hadis palsu. Kelemahan yang terdapat pada sesetengah perawi hadis dijadikan hujah penolakan hadis ini di samping kritikan terhadap pengertian atau *matan* hadis dan dianggap sebagai *'illah*. Sebagai contoh, perbezaan lafaz pada *al-Firqah al-Nājiyah* di

akhir hadis di anggap sebagai wujudnya unsur tokok tambah oleh pihak yang tidak bertanggung jawab. Sesetengah riwayat menjelaskan *al-Firqah al-Nājiyah* sebagai *al-Jama'ah* (الْجَمَاعَةُ) (*Ibid.*), manakala riwayat yang lain dengan *al-Sawad al-A'zam* (السَّوَادُ الْأَعْظَمُ) (Ibn Ibi 'Asim, 1994, p. 34 #68) atau *Ma ana 'alaihi wa ashabi* (ما أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي) (al-Turmudhi, 1995, p. 332 #2778).

Ketulenan sesebuah hadis tidak wajar dinafikan dengan hanya dakwaan ianya mempunyai '*illah*' dari sudut *matannya* atau maksudnya selagi mana ianya boleh difahami dengan fahaman

yang betul. Khususnya dalam keadaan sesebuah hadis yang mempunyai sandaran (*sanad*) hadis yang kuat. Dakwaan Yusuf al-Qaradawi (1995) bahawa hadis ini tidak terdapat di dalam riwayat al-Bukhari dan Muslim sebagai asas penolakan hadis ini bukanlah hujah yang boleh diketengahkan. Dakwaan tersebut boleh dianggap hujah yang janggal kerana terdapat banyak hadis sahih lain yang tidak diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Tidak pula menjadi metode al-Bukhari dan Muslim untuk memastikan semua hadis sahih di sentuh di dalam kitab kedua-dua mereka sebagaimana didakwa oleh al-Qaradawi.

Skop Dan Metode Kajian

Artikel ini akan mengupas tentang status kesahihan hadis ini dari sudut sanad hadis. Ianya merupakan tahap pertama dalam penerimaan sesebuah hadis atau penolakannya. Ini tidak bermakna kesahihan sesebuah hadis hanya tertakluk kepada kesahihan sanad hadis semata-mata. Namun di ruang yang terhad ini penulisan hanya memberi fokus terhadap kedudukan status hadis menurut pandangan ulama hadis

Secara umumnya, kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif. Fasa pengumpulan bahan kajian, kesemua enam metode *takhrij* hadis digunakan secara maksimum. Beberapa aplikasi hadis turut digunakan untuk mengesan hadis yang berkaitan, namun rujukan terhadap buku rujukan primer (asli) hadis menjadi sandaran yang muktamad. Kajian tidak membatasi kajian terhadap kitab hadis tertentu, bahkan melibatkan semua rujukan hadis yang primer.

Analisis terhadap status hadis adalah berdasarkan kepada urutan berikut: i) Pengkategorian Hadis: Hadis diagih-agihkan mengikut perawi hadis dari peringkat Sahabat. Seterusnya disusun mengikut rentetan *turuq* hadis dengan mengambil kira perbezaan pada lafaz matan hadis; ii) Analisis Rijal Hadis: Semua perawi hadis dirujuk mengikut neraca ilmu hadis dan ilmu *al-Jarh wa al-taqdil*; iii)

Walaupun begitu, hanya periwayat yang mempunyai pertikaian diberi perhatian dan dianalisis secara terperinci. Manakala periwayat hadis yang *thiqat* di sentuh secara sepantas lalu sahaja, melainkan ada keperluan khusus. Bagi periwayat hadis yang mempunyai pertikaian, ulasan yang dikemukakan oleh Imam Ibn Hajar al-^cAsqalani di dalam *Taqrib al-Tahdhib* dijadikan sandaran utama. Penjelasan Walid bin Hasan al-^cAni (1999) di dalam "Manhaj dirasah al-asanid wa al-hukmu 'alaiha" dijadikan sandaran dalam memahami metode Ibn Hajar di dalam *Taqrib*. Kajian sedaya-upaya mengimbangi pandangan Ibn Hajar dengan pandangan al-Dhahabi (1992) di dalam *Kashif fi ma'rifah man lahu riwayah fi al-Sunnah* dan *Ma'rifah al-ruwat al-mutakkallim fihim bima la yujibu al-radd* (al-Dhahabi , 1986). Pendapat pengkaji hadis kontemporari turut di rujuk sebagai sokongan dan perbandingan kajian.

(i) Analisis Kesahihan Hadis: Metode ahli hadis dalam kesahihan hadis digunakan secara menyeluruh, termasuk dari aspek kajian sanad dan matan hadis. Pengukuran hadis melalui *syawahid* dan *mutaba'at* diberi penekanan di samping penelitian pada, keselarian lafaz hadis. Perbahasan dari sudut '*illah*' yang terdapat di dalam hadis tidak dinyatakan di dalam artikel ini berikutan keterbatasan ruang.

Periwayatan Hadis *Iftirāq al-Ummah* Dan Status Kesahihannya

Terdapat dua pandangan yang bertentangan tentang kedudukan hadis *Iftirāq al-Ummah* ini.

Iaitu kumpulan yang mengiktiraf kesahihannya dan di sebelah pihak lagi menolaknya.

3. 1 Kumpulan Menolak Hadis *Iftirāq al-Ummah*

Tokoh terawal yang menolak kesahihan hadis ini ialah Ibn Hazm. Beliau secara terus terang menolak kesahihan hadis ini secara keseluruhannya. Menurut Ibn Hazm (t.th) hadis ini tidak sah sandarannya kepada Nabi s. a. w, tiada satupun sanadnya yang sampai ke tahap *sahih*. Pandangan tersebut diikuti seterusnya oleh Ibn al-Wazir (1992). Begitu juga pendirian Dr. ‘Abd Rahman Badawi (1971), di dalam karangannya yang berjudul *Madhahib al-Islamiyyin*.

Selain itu terdapat beberapa pandangan para penganalisis hadis kontemporari yang mengkritik kesahihan hadis ini secara terperinci dari sudut sandaran periyatannya. Hasan al-Saqqaf (1998) di dalam buku karangannya yang berjudul *Fikr Al al-Bayt saih sharh al-‘aqidah al-Tahawiyyah* secara lantang mengklasifikasikan hadis ini sebagai hadis *mawdu’* (palsu). Beliau turut mengemukakan hujahnya berkaitan dengan kelemahan yang terdapat di dalam matan hadis. Perkara yang sama turut diusahakan oleh al-Qaradawi (1995) di dalam *al-Sahwah al-Islamiyyah*.

3. 2 Kumpulan Mengiktiraf Hadis *Iftirāq al-Ummah*

Hadis *Iftirāq al-Ummah* ini diiktiraf oleh sekumpulan besar ulama hadis. Ini kerana hadis ini diriwayatkan melalui pelbagai sumber yang mana setiap satunya menguatkan di antara satu sama lain. Meskipun begitu terdapat juga di antara periyatan tersebut ditolak berikutan kelemahan ketara pada sandarannya. Ulama yang mengiktiraf hadis *Iftirāq al-Ummah* ialah:

- (a) Imam al-Turmudhi, sebagaimana yang telah dinukilkhan oleh al-Mundhiri.

Analisis Status Sanad Hadis *Iftirāq al-Ummah*

Menurut al-Sakhawi (1986) hadis ini telah diriwayatkan daripada Rasulullah s. a. w oleh empat belas orang Sahabat Nabi, mereka yang dimaksudkan ialah: Abu Hurayrah, Sa’d bin Abi Waqqas, Ibn ‘Umar, ‘Awf bin Malik, Anas, Jabir, Abu Umamah, ‘Abdullah bin ‘Amr, Ibn Mas‘ud, ‘Ali, ‘Amr bin ‘Awf, ‘Uwaymir Abu al-Darda’, Mu‘awiyah dan Wathilah. al-Zayla‘i (1994) mengambil inisiatif dalam menghimpun periyatan 14 orang

Namun begitu, al-Turmudhi di dalam *Sunannya* berkata; “hadis Abi Hurayrah hadis *hasan saih*” (al-Mubarakfuri, 1995, p. 332).

- (b) Ibn Hibban (1987, p. 140) di dalam kitab *Sahihnya*.
- (c) al-Hakim (1990, p. 336) dan katanya mengikut syarat Imam Muslim.
- (d) al-Dhahabi (*ibid.* p. 151 & 336)
- (e) al-Bayhaqi sebagaimana dinukilkhan oleh al-Zarkashi (al-‘Ajluni, 1997, p. 227).
- (f) al-Mundhiri (al-Mubarakfuri, 1995, p. 332).
- (g) al-Shatibi (1997, p. 458) mengiktiraf kesahihan hadis *iftiraq* ini secara umum.
- (h) Murtada al-Zabidi (1994, p. 141) mengatakan bahawa ianya telah diriwayatkan oleh perawi-perawi yang boleh dipercayai (*mawthuqun*).
- (i) al-Suyūti mengiktiraf kesahihan hadis ini secara umum serta mengangkatnya sebagai hadis *mutawatir*, sebagaimana dinukilkhan oleh al-Manawi (1980, p. 547)
- (j) Beberapa orang penganalisis hadis kontemporari seperti Ahmad bin Muhammad Shakir (Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal, 1995, p. 33), Abu‘Abd al-Rahman Muqbil bin Hadi al-Wadi‘i (1991, p. 353) dan Shu‘ayb al-Arnă‘ūt (1997, p. 241)

Para ulama yang mengiktiraf hadis ini meletakkan hadis berdasarkan analisis terhadap sanad hadis serta penilaian terhadap makna hadis. Kumpulan ini tidak melihat wujudnya ‘illah atau syazz pada hadis.

sahabat tersebut secara ringkas dalam karyanya berjudul “*Takhrij ahadith wa al-athar al-waqi‘ah fi tafsir al-kashshaf – al-Zamakhshari*”.

Hadis Riwayat Abu Hurayrah, *radiyallahu anhu* dengan lafadz:

"نَفَرَتِ الْيَهُودُ عَلَى إِحْدَى، أَوْ اثْتَيْنِ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً،
وَنَفَرَتْ أُمَّةٌ عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً"

(Ahmad, 1995, p. 611 #8396, v. 14. p. 569 #124, Ibn Majah, 1997, p. 352 #3993, Ibn Abi 'Asim, 1994, p. 32 #63, Abu Ya'la, 1987, p. 32 #3939, p. 36 #3944, p. 340 #3668, p. 154 #4127, al-Tabarani, 1988, p. 152 #7659, al-Tabarani, 1981, p. 256, #711, al-Baghdadi, 1994, pp. 10-11, Ibn al-Jawzi, 1994, p. 19)

Hibban (1987) turut menyenaraikan hadis Abu Hurayrah ini di dalam kitab *Sahihnya*. Manakala al-Turmudhi (1995) di dalam *Sunannya* berpendapat; "hadis Abi Hurayrah hadis *hasan saih*". Namun menurut al-Mundhiri, (al-Mubarakfuri, 1995) al-Turmudhi mensahihkan hadis ini dan diakui sendiri oleh al-Mundhiri. Menurut al-Hakim (1990, p. 336) hadis ini mengikut syarat Imam Muslim. Beliau menambah: "Imam Muslim telah berhujah dengan riwayat Muhammad bin 'Amr daripada Abi Salamah daripada Abi Hurayrah". Kenyataan kedua tersebut telah diulas kemudiannya oleh al-Dhahabi, katanya, "Imam Muslim tidak berhujah dengan Muhammad bin 'Amr sekiranya meriwayatkan hadis secara borseorangan, tetapi (Imam Muslim) hanya akan berhujah dengan riwayat Muhammad bin 'Amr setelah menyertakan bersama-sama riwayat Muhammad bin 'Amr tersebut manapun periyatan daripada perawi yang lain" (*ibid.*).

Dalam konteks hadis ini didapati bahawa al-Hakim mengiktiraf kesahihan riwayat Abu Hurayrah ini setelah mendatangkan *shawahid* daripada hadis Mu'awiyah bin Abi Sufian. Ini berpandukan pengakuan daripada al-Hakim (1990, p. 218), katanya, "*Isnad* ini (iaitu sanad Abu Hurayrah dan sanad Mu'awiyah) merupakan hujah yang membuktikan kesahihan hadis ini". Didapati bahawa al-Dhahabi bersetuju dengan kenyataan al-Hakim di atas (*ibid.* p. 151). al-Dhahabi turut bersepakat dengan al-Hakim dalam kesahihan riwayat Mu'awiyah (*ibid.* p. 336). Ini bermakna al-Hakim telah menerima riwayat daripada Muhammad bin 'Amr sebagai hujah setelah didatangkan riwayat lain daripada Mu'awiyah. Ianya sejajar dengan syarat Imam Muslim sebagaimana yang telah diperincikan oleh al-Dhahabi.

Al-Zarkashi menukilkan bahawa al-Bayhaqi mengiktiraf kesahihan hadis Abū Hurayrah dan lain-lain riwayat (al-'Ajluni, 1997). Begitu juga pendapat al-Mundhiri (al-Mubarakfuri,

1995), al-Shatibi (1997) dan al-Suyūti (al-Munawi, 1980), bahkan al-Suyuti turut mengangkatnya sebagai hadis *mutawatir* sebagaimana dinukilkan oleh al-Munawi. Murtada al-Zabidi (1994) mengatakan bahawa ianya telah diriwayatkan oleh perawi-perawi yang *mawthuqun*.

Walaupun kebanyakan ulama hadis telah mengiktiraf kekuatan riwayat Abū Hurayrah ini, namun terdapat juga pihak yang menolaknya. Menurut al-Saqqaf (1998), hadis Abū Hurayrah ini *da'iif* kerana sanadnya mengandungi Muhammad bin 'Amr, beliau adalah perawi yang *da'iif*. Begitu juga pendapat al-Qaradawi (1995). Beliau merujuk pandangan Ibn Hajar terhadap Muhammad bin 'Amr, iaitu: "*saduq lahu auham*" (Ibn Hajar, 1997). Menurutnya al-Qaradawi, pertambahan perkataan *lahu auham* menggambarkan kelebihan yang ketara pada keperibadian Muhammad bin 'Amr. Secara umumnya beliau menolak keseluruhan hadis *Iftiraq* ini sebagaimana pendirian al-Saqqaf dan Ibn Hazm (*ibid.*).

Penulis berpendapat bahawa kesemua perawi hadis Abū Hurayrah ini terdiri daripada perawi-perawi yang *thiqat*, kecuali Muhammad bin 'Amr. Ahli *al-Jarh wa al-ta'dil* berselisihan pendapat berhubung kedudukan beliau sebagai perawi yang *thiqat*. Menurut al-Dhahabi (1995): (Muhammad bin 'Amr) *Shaykh* yang terkenal dan *hasan al-hadith*. Walaupun dikatakan sebagai "*saduq lahu auham* oleh Ibn Hajar" (1997), namun ada di antara hadis Muhammad bin 'Amr telah diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim di dalam kitab *sahih*. Walaupun begitu, al-Bukhari tidak meriwayatkan hadis beliau kecuali secara *ta'ligh*. Manakala Muslim hanya meriwayatkan hadisnya secara *mutaba'ah*. Hadis beliau turut diriwayatkan oleh lain-lain ahli hadis di dalam koleksi masing-masing (Ibn Hajar, Hadyu al-sari muqaddimah fath al-bari, 1997).

Berpandukan kenyataan di atas, didapati bahawa Muhammad bin 'Amr bukan seorang perawi yang sempurna *dabitnya* dan tidak pula terlalu *da'iif*. Meskipun terdapat pertikaian sesetengah ulama terhadap kewibawaan Muhammad bin 'Amr, al-Dhahabi (Ma'rifah al-ruwat al-mutakallim fihim bima la yujibu al-radd, 1985) telah menyenaraikan namanya

sebagai perawi yang boleh dijadikan hujah, dengan katanya; “*saduq*”. Menurut al-Dhahabi, lafaz tersebut menggambarkan status *hasan*.

Dalam konteks Hadis Abū Hurayrah, riwayat Muhammad bin ‘Amr ini mempunyai *shawahid* dari riwayat para sahabat yang iaitu riwayat Anas bin Malik, ‘Awf bin Malik, Abi Umamah dan Mu‘awiyah. Ada di antara riwayat tersebut *isnadhya* setaraf atau lebih kuat berbanding riwayat Abū Hurayrah ini.

Mengulas pandangan Ibn Hazm, penulis mendapati bahawa penolakannya terhadap hadis *iftiraq* bertitik-tolak dari metode beliau di dalam menilai hadis. Menurut Imam al-Kawthari (al-Isfarayaini, 1940), Ibn Hazm tidak menerima konsep peningkatan sesuatu hadis *da’if* ke status *hasan* (*li ghayrihi*) atau peningkatan martabat *hasan* kepada *sahih* (*li ghayrihi*). Konsep tersebut diterima pakai dalam keadaan adanya *shawahid* atau *mutaba‘ah*, yang menyokong hadis berkenaan melalui *isnad* yang setaraf atau lebih. Lantaran itu tidak hairan apabila Ibn Hazm menolak hadis ini. Beliau telah bercanggah dengan salah satu metode jumur ahli hadis, seperti Ibn al-Salah (1986), Ibn Hajar (Nuzhah al-nazar fi taudih nukhbah al-fikar, 1997) dan al-Suyuti (1996).

Menurut al-Kawthari (al-Isfarayaini, 1940), satu kehairanan apabila Ibn Hazm sendiri (di dalam kitab *al-Ihkam*) telah berhujah dengan hadis ini untuk menolak konsep *al-Qiyas*. Beliau telah berhujah dengan hadis Nu‘aym bin Hammad, iaitu salah satu lafaz hadis ‘Awf bin Malik, lafaznya seperti berikut:

سَقْفَتِيْ فُتْنَةً عَلَى بِضْعِ وَسِبْعِينَ فَرْقَةً أَعْظَمُهَا فُتْنَةً
عَلَى أَمْتَيْ قَوْمٍ يَقِيْسُونَ الْأُمُورَ بِرَأْيِهِمْ يُحَرِّمُونَ الْخَلَالَ،
وَجُلُّهُمْ حَرَامٌ

Maksudnya: “Umatku berpecah kepada tujuh puluh lebih puak. Puak yang paling besar fitnahnya terhadap umatku (ialah), kaum yang melakukan *qiyas* terhadap perkara-perkara (tertentu) dengan pandangan (akal) mereka. Lantaran itu, mereka telah menghalalkan perkara yang haram serta mengharamkan perkara yang halal”. (al-Hakim, 1990, j. 4, p. 707 #6381; al-Tabarani, 1988, j. 5, p. 614 #8374; al-Khatib, 1997, 473).

Percanggahan Ibn Hazm ini dilihat sebagai bukti kurangnya penelitian beliau dalam menghukum hadis ini, bahkan beliau sendiri telah berhujah dengan salah satu riwayat hadis *Iftirāq al-Ummah*. Dalam masa yang sama riwayat yang dirujuk oleh Ibn Hazm adalah merupakan salah satu riwayat yang telah dipinggirkan oleh beberapa ahli hadis seperti Ibn Ma‘in, al-Baghdadi dan al-Bayhaqi, dengan alasan terdapat ‘illah pada sanadnya (al-Khatib, t.th). Justeru, penolakan Ibn Hazm terhadap hadis ini tidak wajar dijadikan hujah. Hadis Riwayat Anas Bin Malik *rādiyallahu'anhu*, dengan pertambahan lafaz:

كُلُّهَا فِي النَّارِ، إِلَّا وَاحِدَةٌ وَهِيَ: الْجَمَاعَةُ . . . ”

(Ahmad, 1995, p. 611 #12070, p. 569, Ibn Majah, 1997, p. 352 #3993, Abu Ya‘la, 1987, p. 36, 3944, p. 340 #3668, p. 154 #4127, Ibn Abi ‘Asim, 1994, p. 32 #64, al-Tabarani, 1988, p. 152 #7659, al-Tabarani, 1981, p. 256 #711, al-Baghdadi, 1994, pp. 10-11, Ibn al-Jawzi, 1994, p. 19 #11798)

Hadis Anas bin Malik turut diterima atau diklasifikasikan sebagai hadis *sahih* sebahagian ahli hadis. Di antara mereka ialah Zayn al-Din al-‘Iraqi (1990) menyifatkan sanad hadis Anas sebagai “*asaniduha jiyad*”. al-Büsairi (1993) berpendapat bahawa riwayat Anas (melalui *tariq* Qatadah), adalah *sahih isnad* dan *rijal* sanadnya adalah *thiqat*. Begitu juga pendapat Murtada al-Zabidi (1994). Mengulas tentang riwayat Anas (melalui *tariq* Sa‘id bin Abi Hilal) Hamzah Ahmad al-Zayn berkata; “*Isnadnya hasan* kerana di dalamnya terdapat Ibn Lahi‘ah” (Hanbal, 1995). Menurut Shu‘ayb al-Arna’ut (1997) pula berpendapat bahawa riwayat Anas (melalui *tariq* Sa‘id bin Abi Hilal) *sahih* dengan adanya *shawahid*, *tariq* ini pada asalnya *da’if* kerana di dalamnya terdapat *Ibn Lahi‘ah*, beliau adalah perawi yang *da’if* hafalannya .

Penulis berpendapat bahawa hadis Anas bin Malik ini mempunyai sembilan *turuq* yang berasingan daripada Anas, lima daripada *turuq* Anas adalah sangat lemah untuk dijadikan hujah, setiap satunya mengandungi perawi yang terlalu *da’if*. Manakala hadis Anas melalui riwayat Qatadah mengandungi Hisham bin ‘Ammar, beliau telah dikategorikan oleh al-Dhahabi (1985) dan Ibn Hajar (1997, j. 1, p.

417) sebagai *saduq*. Riwayat Ibn Majah ini mempunyai *shawahid* daripada riwayat Abu Hurayrah, ‘Awf bin Malik, Abu Umamah dan Mu‘awiyah. Selain itu *tariq* Qatadah tersebut mempunyai *mutaba‘ah* melalui *tariq* Sa‘id bin Abi Hilal, daripada Anas. Di dalam *tariq* Sa‘id bin Abi Hilāl ini terdapat Ibn Lahi‘ah, Menurut Ibn Hajar (*ibid.*), Ibn Lahi‘ah berstatus *saduq*. Ibn Lahi‘ah merupakan seorang perawi yang *dabit kitab*, tetapi menjadi bercelaru hafalannya setelah kitab-kitabnya terbakar. Menurut al-Dhahabi (1998), riwayat daripada Ibn Lahi‘ah tidak boleh dijadikan hujah kecuali dalam keadaan *mutaba‘ah*. Dalam konteks hadis Anas, riwayat Ibn Lahi‘ah ini mempunyai *mutaba‘ah* melalui *tariq* Qatadah daripada Anas. Ianya membuktikan bahawa Ibn Lahi‘ah di dalam riwayat ini adalah *dabit* dan sekaligus menolak kemungkinan berlakunya kecelaruan. Lantaran itu, *tariq* Sa‘id bin Abi Hilāl ini layak diklasifikasikan sebagai *sahih* kerana mempunyai *mutaba‘ah* dan *shahid*.

Namun begitu, perlu diambil perhatian terhadap dua lagi *tariq* yang selebihnya, iaitu *tariq* Yahya bin Sa‘id al-Ansari dan *tariq* Sa‘ad bin Sa‘id al-Ansari dengan lafadz:

تَفْرِقُ أُمَّتِي عَلَى بِضْعٍ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً كُلُّهَا فِي الْجَنَّةِ إِلَّا
فِرْقَةً وَاحِدَةً وَهِيَ الرَّنَادِيقُ

Maksudnya: “*Umatku berpecah kepada tujuh puluh lebih puak, kesemuanya di dalam syurga kecuali satu puak, iaitu “al-zanadiqah” (golongan yang tidak percaya kepada Tuhan, agama dan hari Kiamat)*”. (al-‘Uqayli, 1984; Ibn Hajar, 1986)

Kedua-dua *tariq* ini adalah teramat *da‘if*. Menurut al-‘Uqayli (1984); “hadis tersebut tidak boleh diterima sebagai riwayat yang *sahih* dan ianya bukanlah berasal dari hadis Yahya bin Sa‘id mahupun hadis Sa‘id”. Ibn Hajar (1986) menyifatkannya sebagai salah satu hadis yang *idtirab* pada sanad dan matan, di samping itu bersifat *maqlub al-matan*. Sedangkan matan hadis yang terpelihara ialah: (تَفْرِقُ أُمَّتِي عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً ، كُلُّهَا فِي النَّارِ إِلَّا . . .). al-Sakhawi (1998) menjelaskan bahawa matan hadis ini disenaraikan oleh Ibn Jawzi di dalam *al-Mawdu‘at*, dan matan yang diterima ialah lafadz yang terawal (iaitu selain dengan lafadz ini).

Hadis Riwayat ‘Awf Bin Malik *radiyallahu anhuma*, dengan pertambahan lafadz:

. . . وَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ، وَثِتَّانٌ وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ ،
قِيلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ هُمْ؟ قَالَ: "الْجَمَاعَةُ

(Ibn Majah, 1997, p. 352 #3992, Ibn Abi ‘Āsim, p. 32 #63, al-Tabarani, p. 70 #129, p. 59 #90, p. 51 #91, al-Hakim, p. 614 #8374)

Hadis ‘Awf bin Malik juga telah diterima oleh beberapa ahli hadis, di antaranya Zayn al-Din al-‘Iraqi (1990). Beliau menyifatkan bahawa sanad hadis ‘Awf (iaitu *tariq* Rashid bin Sa‘d) adalah sanad yang elok, dengan katanya: “*asaniduha jiyad*”. Kesemua *rijal* sanadnya *thiqat* kecuali Rashid bin Sa‘d dan ‘Ibad bin Yūsuf. Sekumpulan ahli hadis telah menganggap Rashid sebagai perawi yang *thiqat* tetapi banyak *irsal*. Manakala ‘Ibad pula, merupakan seorang perawi yang kurang popular di dalam periyawatan hadis. Hadisnya hanya dikeluarkan oleh Ibn Majah dan hadis ini adalah satu-satunya riwayat beliau dalam *Sunan Ibn Majah* (al-Haythami, 1987, p. 521). Namun begitu, Ibn Hibban telah menyenaraikan ‘Ibad di dalam kitabnya *al-Thiqat* (al-Mizzi, 1980, p. 179). Menurut al-Būsairi (1993) mengulas salah satu riwayat ‘Awf (iaitu *tariq* Rashid bin Sa‘d) katanya; “di dalam sanadnya terdapat Rashid bin Sa‘d, beliau adalah *saduq*”, setelah itu al-Būsairi (*ibid.*) mengatakan bahawa *tariq* tersebut mempunyai *shawahid* daripada hadis Abū Hurayrah.

Ibn al-Wazir (1992), al-Qaradawi (1995) dan al-Saqqaf (1998) menolak kesahihan hadis ini. al-Qaradawi (1995) menolak riwayat Rashid bin Sa‘d kerana sanadnya terdapat ‘Ibad bin Yusuf. Beliau adalah seorang yang *da‘if*, kerana itu al-Dhahabi telah menyenaraikan ‘Ibad di dalam *Diwan al-Du‘afa*.

Penulis berpendapat bahawa riwayat ‘Awf bin Malik (melalui *tariq* Rashid bin Sa‘d) ini berstatus *hasan* (dikategori *hasan* yang ke dua) kerana di dalam sanadnya terdapat ‘Ibad yang telah diklasifikasikan Ibn Hajar (*Taqrib al-Tahdhib*, 1997, p. 291) sebagai *maqbul*. Manakala Rashid bin Sa‘d pula dianggap (oleh Ibn Hajar) sebagai perawi yang *thiqat* tetapi banyak *irsal* (*ibid.*, j. 1, 204). Menurut Walid ‘Āni (1999, p. 177) dan Abū al-Layth (1999, p.

218), lafaz *maqbūl* di sisi Ibn Hajar (di dalam *Taqrib*) adalah bertaraf *hasan* (dikategori *hasan* yang ke dua).

Satu lagi hadis riwayat hadis ‘Awf (melalui *tariq* Jabir bin Nufayr) al-Hakim (1990, p. 447) dianggap sebagai *sahih* dengan mengikut syarat al-Bukhari dan Muslim. Menurut al-Haythamī (1987, p. 179)*rijal* sanadnya adalah *rijal sahibh*. Lafaz hadis ini agak berbeza daripada riwayat Rashid bin Sa‘d, iaitu:

تَفَرَّقَ أُمَّتِي عَلَى بِضْعٍ وَسَبْعِينَ أَعْظَمُهَا فِتْنَةً عَلَى أُمَّتِي
، قَوْمٌ يَقِيسُونَ الْأُمُورَ بِرَأْيِهِمْ فَيُحْلِّونَ الْحَرَامَ وَيُحُرِّمُونَ
الْحَلَالَ

(al-Hakim, 1990, j. 4, p. 707 #6381; al-Tabarani, 1988, j. 5, p. 614 #8374; al-Khatib, 1997, 473).

Namun begitu menurut al-Shatibi (1997), sesetengah golongan mutakhir berpendapat ini diriwayatkan oleh sekumpulan perawi yang *thiqat*. Pada zahir sanadnya adalah elok, tetapi Ibn Ma‘in telah mengesan daripada sanadnya ‘illah yang tersembunyi. Justeru itu didapati beberapa orang ulama seperti al-Khatib al-Baghdadi (1997) dan al-Bayhaqi (1984) menyangkal kesahihan *tariq* Jabir bin Nufayr secara khusus (tidak termasuk *tariq* Rashid bin Sa‘d), berdasarkan penolakan Yahya bin Ma‘in terhadap riwayat tersebut, dengan katanya; “hadis ini tidak benar dan tiada sandarannya kepada Nabi”.

Hadis Riwayat Abū Umamah *rādiyallahu'anhu*, dengan pertambahan lafaz:

... وَتَرِيدُ هَذِهِ الْأُمَّةُ فِرْقَةً وَاحِدَةً، كُلُّهَا فِي النَّارِ
إِلَّا السَّوَادُ الْأَعْظَمُ

(Ibn Abi ‘Asim, 1994, p. 34 #68, al-Tabarani, 1988, p. 273 #8052, p. 268 #8053, p. 274 #8035, al-Bayhaqi, 1984, p. 326 #16783)

Kesemua lima *tariq* hadis Abū Umamah diriwayatkan melalui Abū Ghalib. Pada sesetengah *tariq* Abu Ghalib, *rijal* sanadnya adalah *thiqat*. Justeru, al-Murtada (1994) berpendapat bahawa hadis Abi Umamah ini telah diriwayatkan oleh perawi-perawi yang *thiqat*. Namun begitu, menurut al-Saqqaf (1998) sanadnya *da’if* kerana mengandungi Abū

Ghalib, beliau adalah seorang yang *da’if*, manakala Qatn bin Abdullah pula dianggap sebagai *majhul*. Di dalam satu artikel yang lain, al-Saqqaf (*ibid.*) menyatakan bahawa sanadnya *da’if* kerana Qatn bin Nusayr, beliau disifatkan sebagai *da’if mungkar al-hadith*.

Penulis tidak menemui *tariq* Qatn bin Nusayr sebagaimana yang didakwa oleh al-Saqqaf, tetapi salah satu riwayat Abū Ghalib telah diriwayatkan oleh Qatn bin ‘Abdullah Abū Mari. Penulis tidak menemui sebarang *tajrih* terhadapnya, malahan disenaraikan sebagai *thiqat* oleh Ibn Hibban (al-Thiqat, 1975). Selain itu, *tariq* Qatn ini terdapat *mutaba’ah* melalui empat *tariq* yang lain daripada Abū Umamah. Kesemua *turuq* tersebut diriwayatkan melalui Abū Ghalib. Abū Ghalib diklasifikasikan sebagai *thiqat* oleh beberapa ahli *al-jarh wa al-ta’dil* termasuk Ibn Ma‘in (al-Haythami, 1987, p. 258), tetapi menurut al-Nasa’i, Abu Ghalib adalah *da’if* (al-Mizzi, 1980, p. 195).

Penulis berpendapat bahawa *isnad* hadis Abu Umamah ini adalah berstatus *hasan*. Ini berikutan terdapatnya Abū Ghālib di dalam *isnād* tersebut. Beliau diklasifikasikan oleh Ibn Hajar (*Taqrib al-Tahdhib*, 1997, p. 204) sebagai *saduq yukhti*'. Menurut Abū al-Layth (1999, p. 218) dan Walid al-‘Āni (1999, p. 178), lafaz *saduq yukhti*' di dalam Taqib Ibn Hajar adalah pada status *hasan* (di kategori *hasan* yang pertama) dan dapat ditingkatkan ke martabat *sahih* dengan adanya *mutāba’ah* atau *shāhid*.

Hadis Riwayat Mu‘awiyah Bin Abi Sufiyan *rādiyallahu'anhumā*, dan padanya terdapat pertambahan lafaz:

... كُلُّهَا فِي النَّارِ إِلَّا وَاحِدَةً، وَهِيَ الْجَمَاعَةُ، وَإِنَّهُ
سَيَخْرُجُ فِي أُمَّتِي أَقْوَامٌ تَجَارِي بِهِمْ تِلْكَ الْأَهْوَاءُ كَمَا
يَتَجَارِي الْكَلْبُ بِصَاحِبِهِ، لَا يَبْقَى مِنْهُ عِرْقٌ وَلَا
مَفْصِلٌ إِلَّا دَخَلَهُ " وَاللَّهُ يَا مُعْشَرَ الْعَرَبِ لَئِنْ مُ
تَقْوُمُوا بِمَا جَاءَ بِهِ نَبِيُّكُمْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ،
لَعَيْرُكُمْ مِنَ النَّاسِ أَحْرَى أَنْ لَا يَقُومَ بِهِ "

(Ahmad, 1995, 70 #16490, Abu Dawud, t. th, p. 198 #4597, al-Tabarani, 1988, p. 387 #884

& 885, al-Hakim, 1990, p. 218 #443, Ibn Abi 'Asim, 1994, p. 35 #69, p. 33 #65)

Sesetengah ahli hadis telah mengklasifikasikan riwayat Mu'awiyah ini sebagai *sahih*, di antaranya, al-Hakim (1990, p. 336). Beliau telah menjadikan hadis Mu'awiyah (melalui *tariq* Abū al-Yaman al-Hakam) sebagai salah satu hujah (bersama-sama hadis Abū Hurayrah) dalam mengklasifikasi hadis *Iftirāq al-Ummah* ini sebagai hadis sahih, dan diakui oleh al-Dhahabi di dalam *al-Talkhis* (*ibid.*). al-'Iraqi (1990) pula telah mengiktiraf keelokan sanadnya secara umum dengan katanya; "asaniduha jiyyad". 'Ali Muhammad Jammaz (Hanbal, 1990, p. 167) mengatakan bahawa hadis Mu'awiyah (melalui *tariq* Abū al-Mughirah) *isnadnya sahih*.

Namun begitu, Ibn al-Wazir (1992), al-Saqqaf (1998), dan al-Qaradawi (1995), berpendapat bahawa kesemua *isnad* Mu'awiyah ini *da'if* kerana kesemua *turuqnya* melalui Azhar bin 'Abdullah al-Harazi. Azhar dianggap *da'if* kerana penglibatannya dengan golongan yang mencerca Saydina 'Ali. Sejurus daripada itu Ibn al-Jarūd telah menyenaraikannya di dalam kitab *al-Du'a'fa'*, manakala Abu Dawud pula pernah menyatakan bahawa beliau amat membenci Azhar al-Harazi (*ibid.*).

Penulis mendapati bahawa al-Bukhari telah mengesahkan bahawa Azhar bin 'Abdullah sebagai individu yang sama dengan Azhar bin Sa'id al-Harazi. Ada para ulama mempertikai kewibawaan beliau selaku perawi hadis. Nama beliau tercemar kerana dikaitkan dengan golongan *al-Nawasib* (Ibn Hajar, Taqrib al-Tahdhib, 1997, p. 65). Walaupun begitu, hadisnya tetap diterima dan diriwayatkan oleh ahli-ahli hadis yang terkenal. Sebagai bukti, hadis beliau pernah diriwayatkan oleh al-Bukhāri di dalam kitab *Adab al-mufrad*, al-Turmudhi, Abu Dawud, al-Nasa'i dan Ibn Majah di dalam koleksi masing-masing (Ibn Hajar, Taqrib, 1997, p. 65). Hadis Mu'awiyah ini telah diriwayat sendiri oleh Abu Dawud, walaupun pernah diriwayatkan bahawa Abu Dawud membenci Azhar. Dapat disimpulkan bahawa kewibawaan Azhar sebagai perawi hadis tidak tercemar walaupun dikaitkan dengan golongan *al-Nawasib*. Kerana itulah al-Hākim (1990, p. 336) berpendapat bahawa riwayat Mu'awiyah ini boleh dijadikan hujah dalam mengiktiraf kesahihan hadis ini.

Penulis berpandangan bahawa *isnad* hadis Mu'awiyah ini di status *sahih* kerana menurut Ibn Hajar (Ibn Hajar, Taqrib, 1997, p. 65), Azhar adalah perawi berstatus *sadūq*. Lafaz *sadūq* di sisi Ibn Hajar (di dalam Taqrib) berada di martabat *sahih* (pada kategori *sahih* yang ketiga) sebagaimana dijelaskan oleh Walid 'Āni (1999, pp. 127-170) dan Abū al-Layth (1999, p. 218).

Hadis Riwayat 'Abdullah Bin Mas'ud *rādiyallahu'anhu*, dengan pertambahan dan perbezaan lafaz akhirnya:

"بَخِيَّا مِنْهَا ثَلَاثٌ، وَكُلُّكُ سَائِرُهَا ..."

(Ibn Abi 'Asim, 1994, pp. 35-36 #70-71, al-Tabarani, 1988, p. 36 #10357, p. 220 #10531)

Hadis ini diriwayatkan melalui dua *tariq* yang kedua-duanya daif. Pertamanya; melalui Suwayd bin Ghafalah dan sanadnya terdapat 'Aqil al-Ja'di, Menurut al-Bukhari (1986, p. 53) beliau adalah *mungkar al-hadīth*. Keduanya melalui *tariq* Abd al-Rahman bin 'Abdullah bin Mas'ud. Sanadnya terdapat Bakir bin Ma'ruf dan al-Walid bin Muslim, al-Walid merupakan perawi yang *thiqat* tetapi terkenal sebagai perawi yang melakukan *tadlis al-taswiyyah* (Ibn Hajar, Taqrib al-Tahdhib, 1997, p. 584). Bakir bin Ma'ruf pula, perawi yang *da'if* (al-Haythami, 1987, p. 171), tetapi menurut Ibn Hajar (Taqrib, 1997, p128) Bakir adalah *sadūq fīhi lāyin*. Meskipun Riwayat Ibn Mas'ud melalui *tariq* 'Abd al-Rahman ini berpotensi untuk diangkat ke martabat *hasan* dengan adanya *shawāhid* namun terdapat percanggahan pada matan hadis, iaitu: Puak yang terselamat ada tiga puak.

Hadis Riwayat 'Amr Bin 'Awf *rādiyallahu'anhu*, dengan pertambahan lafaz:

"ثُمَّ إِنَّكُمْ تَعْرِفُونَ عَلَى اسْتِئْنَ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً كُلُّهَا ... ضَلَالًا إِلَّا فِرْقَةُ الْإِسْلَامِ وَجَمَاعَتُهُمْ"

(Ibn Abi 'Asim, 1994, p. 25 #45, al-Hakim, 1990, p. 219 #445, al-Tabarani, 1988, p. 13 #13)

Riwayat daripada 'Amr bin 'Awf ini telah diriwayatkan oleh Kathir bin 'Abdullah secara berseorangan. al-Hākim (1990, p. 336), al-Haithami (1987, p. 521) dan Ibn Hajar (Taqrib

al-Tahdhib, 1997, p. 141), berpendapat bahawa periyawatan Kathir daif dan tidak boleh dijadikan hujah, bahkan menurut Abu Dawud dan al-Shafi'i, Kathir merupakan salah seorang pendusta (al-Mizzi, 1980, p. 24).

Hadis Riwayat 'Abdullah Bin 'Amr *rādiyallahu'anhu*, dengan pertambahan lafaz:

... قَالُوا: وَمَنْ هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: "مَا أَنَا
عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي

(al-Turmudhi, 1995, p. 333 #2779, al-Hakim, 1990, p. 337 #, Ibn al-Jawzi, 1994, p. 9, al-Baghdadi, 1994, p. 11)

Menurut al-Turmudhi (1995, p. 298), hadis 'Abdullah bin 'Amr ini merupakan hadis *gharib mufassar la na'rifu hu mithla hadha illa min hadha al-wajh*. Terdapat beberapa naskhah sunan al-Turmudhi yang menambah perkataan *hasan* pada kata-kata al-Turmudhi "*hadith gharib mufassar*. . ." menjadikannya lafaz: [*hadith hasan* *gharib mufassar*. . .]. Kewujudan perkataan *hasan* ini meragukan kerana di dalam sanadnya terdapat 'Abd al-Rahmān bin Ziyād. Beliau seorang yang *da'if* dan tidak boleh dijadikan hujah (al-Hakim, 1990, p. 336). Berdasarkan semakan yang dilakukan oleh 'Izzat 'Abid al-Da'as (al-Turmudhi, 1967) terhadap 10 naskhah Sunan al-Tarmidhi, 8 naskhah berlainan cetakan tidak mempunyai lafaz *hasan* yang dimaksudkan. Hanya naskhah cetakan al-Laknaw, India, (1893) dan manuskrip di perpustakaan al-Dhahiriyyah – Dimashq (539 H -No. 9378) mempunyai perkataan *hasan*. Keraguan ini di sokong oleh catatan al-Mizzi (1980, p354) di dalam *Tuhfah al-ashraf* yang hanya menulis perkataan *gharib* tanpa perkataan *hasan*. Begitu juga catatan Ibn al-Wazir (1992) dan al-Shatibi (1997) tanpa perkataan *hasan*. Dapat disimpulkan bahawa lafaz *hasan* dalam beberapa cetakan *Sunan al-Turmudhi* ada kebarangkalian sebagai tambahan dan bukannya berasal dari kata-kata al-Turmudhi. Justeru itu, tanggapan bahawa al-Turmudhi menghukum hadis ini sebagai hadis *hasan* boleh dipersoalkan ketulenannya.

Menurut al-Hakim (1990, p. 336) riwayat ini tidak boleh dijadikan hujah dan turut diakui oleh al-Dhahabi (*ibid.*). Hadis ini telah diriyawatkan secara bersendirian oleh 'Abd

Rahman bin Ziyad al-Afriqi. Menurut Ibn Hajar (1997, p. 447) 'Abd Rahman bin Ziyad al-Afriqi adalah perawi yang *da'if*. Riwayat ini tidak dapat diperkuatkan melalui konsep *shawāhid* kerana mempunyai lafaz yang ketara berbeza dengan lafaz-lafaz yang lain.

Hadis Riwayat 'Abdullah Bin 'Umar *rādiyallahu'anhu*, dengan lafaz:

إِنَّ فِي أُمَّتِي لَكَنِيفًا وَسَبْعِينَ دَاعِيًّا كُلُّهُمْ دَاعٌ إِلَى النَّارِ،
لَوْ أَشَاءُ لَآتَيْنَكُمْ بِآبَائِهِمْ وَقَبَائِلِهِمْ

(Abu Ya'la, 1987, p. 65 #5701)

Isnad hadis ini *da'if* kerana terdapatnya al-Layth bin Abi Sulaym (al-Dhahabi, 1992, p. 151), beliau meriyawatkan hadis tersebut secara berseorangan. Asalnya adalah *saduq* tetapi setelah itu berlaku kecelaran dalam periyawatan beliau dan tidak dapat membezakan di antara hadis-hadisnya, maka para ulama menolak periyawatannya (Ibn Hajar, 1997, pp. 146-147). Menurut al-Haythamī (1987, p. 513), al-Layth adalah seorang *mudallis* dan perawi selainnya adalah *rijal* yang *thiqat*.

Hadis Riwayat Sa'd Bin Abi Waqqas *rādiyallahu'anhu*, dengan pertambahan lafaz:

... كُلُّ فِرَقَةٍ مِنْهَا فِي النَّارِ إِلَّا وَاحِدَةٌ وَهِيَ الْجَمَاعَةُ

(Humayd, 1988, hlm. 148 #79)

Menurut al-Haythamī (1987, p. 512) dan Murtada (1994, p. 141) sanadnya terdapat Musa bin 'Ubaydah al-Rabadhi dan beliau *da'if* (Ibn Hajar, 1997, p. 552). Menurut Ibn Hajar, beliau adalah perawi yang *da'if*.

Hadis Riwayat 'Ali Bin Abi Talib *rādiyallahu'anhu* dengan pertambahan lafaz:

... إِنَّ مِنْ أَضْلَلَهَا وَأَخْبَثَهَا مِنْ يَتَشَيَّعُ أَوْ الشَّيْعَةِ

(Ibn Abi 'Asim, 1994, p. 467, 995)

Hadis ini *da'if* kerana di dalam sanadnya terdapat al-Layth bin Abi Sulaym (al-Haythamī, 1987, p. 513).

Hadis Riwayat Abū Darda' dan Wathilah Bin Al-'Ashqa' *rādiyallahu'anhu*, dengan pertambahan lafaz:

"... كُلُّهُمْ عَلَى الصَّلَاةِ إِلَّا السَّوَادُ الْأَعْظَمُ". قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَنِ السَّوَادُ الْأَعْظَمُ؟ قَالَ: "مَنْ كَانَ عَلَى مَا أَنَا عَلَيْهِ، وَاصْحَابِي مَنْ لَمْ يُكَارِ فِي دِينِ اللَّهِ، وَمَنْ لَمْ يُكَفِّرْ أَحَدًا مِنْ أَهْلِ التَّوْحِيدِ بِذَنْبٍ غُفرِ لَهُ" (al-Tabarani, 1988, p. 152 #7659)

Hadis ini *da'if* kerana diriwayatkan oleh Kathir bin Marwan, beliau teramat *da'if* (*Ibid.*, p. 513).

Hadis Riwayat Jabir Bin 'Abdullah *radiyallahu'anhu*, dengan pertambahan lafaz:

"... كُلُّهُا فِي النَّارِ إِلَّا وَاحِدَةٌ". فَقَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ: أَخْبِرْنَا مَنْ هُمْ؟ قَالَ: "السَّوَادُ الْأَعْظَمُ" (Bahshal, 1986, p. 235)

Hadis ini *da'if* kerana di dalam sanadnya terdapat perawi yang tidak dikenal pasti identitinya (Murtada, 1994, p. 141).

Perbincangan Hasil Dapatan Analisis Sanad Hadis Iftirāq al-Ummah

Setelah mengemukakan analisis terhadap kesemua empat belas periyawatan sahabat tersebut didapati bahawa tidak semua riwayat hadis *Iftirāq al-Ummah* ini pada kedudukan sahih atau hasan yang boleh diterima dan

Hadis Iftirāq al-Ummah yang Berstatus Sahih atau Hasan

Riwayat hadis daripada lima orang para sahabat tersebut mempunyai sanad yang kuat dan saling menguatkan di antara satu sama lain. Manakala riwayat sembilan lagi para sahabat tidak lekang dari bentuk periyawatan yang lemah atau sangat lemah. Sebahagian lafaz hadis tidak dapat diperkuatkan berikutan percanggahan atau ketidakselarian pada lafaz hadis. Periyawatan yang mempunyai sanad yang kuat ialah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah, 'Awf bin Malik, Anas bin Malik, Abu Umamah dan Mu'awiyah. Berikut merupakan perbahasan terperinci bagi setiap periyawatan.

Hadis Anas bin Malik (melalui *tariq* Qatādah) berstatus *sahih sanadnya* (di kategori *sahih* yang ketiga). Ianya turut dikuatkan dengan *mutāba'ah* melalui *tariq* Sa'id bin Abi Hilāl (daripada Anas bin Mālik) yang juga berstatus *sahih* (di kategori *sahih* yang ketiga). Hadis Anas turus disokong oleh *shawāhid* daripada hadis Mu'awiyah bin Abi Sufyan (melalui *tariq* Azhar bin 'Abdullah) yang juga berstatus *sahih* (di kategori *sahih* yang ketiga). Hadis Abu Hurayrah dan Abū Umāmah pula berstatus *hasan* (di kategori *hasan* yang pertama) dan ditingkatkan ke status *sahih* setelah disokong dengan *shawāhid* daripada riwayat Anas dan Mu'awiyah yang berstatus *sahih*. Manakala hadis 'Awf bin Mālik (melalui *tariq* Rāshid bin

dijadikan sandaran hujah. Sebahagian periyawatan hadis ini adalah pada kedudukan *da'if* atau terlalu *da'if* justeru tidak boleh *d i j a d i k a n s a n d a r a n*.

Sa'ad) berstatus *hasan* (dikategori *hasan* yang ke dua) dan turut dikuatkan dengan *shawāhid* daripada riwayat Anas dan Mu'awiyah.

Kesemua lima hadis yang mempunyai sanad hadis yang kuat sandarannya mempunyai lafaz tambahan (كلها في النار إلا واحدة وهي الجماعة) kecuali pada hadis Abū H

urayah. Manakala hadis Abū Umamah agak berbeza sedikit pada lafaz *al-Firqah al-Nājiyah*, iaitu lafaz (الجماعۃ) digantikan dengan lafaz (السود الأعظم), ialah seperti berikut:

أَفْتَرَقْتَ الْيَهُودُ عَلَى إِحْدَى وَسَبْعِينَ فِرْقَةً، فَوَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ، وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ، وَافْتَرَقْتَ النَّصَارَى عَلَى ثَتَّانِي وَسَبْعِينَ فِرْقَةً، فَإِلَّا وَاحِدَةٌ فِي النَّارِ، وَسَبْعُونَ فِي الْجَنَّةِ، وَالَّذِي نَعْصُنُهُمْ بِيَدِهِ لَتَقْرَأُنَّ أُمَّتِي عَلَى ثَلَاثَةِ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً، وَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ، وَثَتَّانِي وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ، قَيْلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ هُمْ؟ قَالَ: "الْجَمَاعَةُ" (أو: كُلُّهُا فِي النَّارِ إِلَّا السَّوَادُ الْأَعْظَمُ)

Kritikan sesetengah pihak terhadap kesahihan hadis ini berdasarkan kepada wujudnya perbezaan pada lafaz *al-Firqah al-Nājiyah* dan dianggap sebagai 'illah yang menjelaskan status hadis ini (Hasan al-Saqqaf 1998), timbul

berikutan kegagalan mereka mengasingkan di antara riwayat daripada sanad yang sahih dan riwayat yang *da’if*. Meskipun lafaz *al-Firqah al-Nājiyah* di dalam hadis telah disebut dengan pelbagai lafaz, di antaranya dengan lafaz: *al-Jama’ah*, *al-Jama’ah al-jama’ah*, *al-Jama’at*, *al-Sawad al-a’zam*, *al-Islam wa jama’atuhum*, dan *Ma ana ‘alayhi wa ashabi*. Namun, jika diteliti secara mendalam, dapat dikenal pasti bahawa tidak wujud percanggahan pada lafaz *al-Firqah al-Nājiyah*. Adapun lafaz *al-Jama’ah*, *al-Jama’ah al-jama’ah*, *al-Jama’at* dan *al-Islam wa jama’atuhum* adalah sinonim kepada lafaz *al-Sawad al-a’zam*.

Perkataan *al-Jama’ah* di dalam bahasa Arab bermaksud; “*sekumpulan manusia yang ramai, yang disatukan oleh matlamat yang satu*” (*al-Mu’jam al-Wasit*, 1998). Manakala perkataan *al-Sawad al-a’zam* menurut al-Raghib al-Isfarayaini (1997), bermaksud; “*jama’ah yang banyak*”. Lantaran itu Ibn al-Athir (1979) dan al-Suyuti (al-Sindi. 1986) mendefinisikan lafaz *al-Sawad al-a’zam* sebagai; “*himpunan manusia yang ramai dan mereka merupakan kumpulan terbesar, yang bersatu dalam mentaati sultan dan mengikuti metode yang lurus*”.

Terdapat lima pendapat ulama berhubung pengertian *al-Jama’ah*, salah satu pendapat tersebut menyatakan bahawa *al-Jama’ah* bermaksud *al-Sawad al-a’zam*. Perbezaan di antara lafaz-lafaz ini berkemungkinan terhasil daripada periyatan hadis melalui maknanya. Ianya tidak menimbulkan keraguan, kerana periyatan dalam bentuk tersebut diterima pakai oleh para ulama jika menepati syarat-syaratnya (Ibn Solah. 1990).

Keraguan yang ditimbulkan oleh Hasan al-Saqqaf terhadap hadis ini berikutan hadis ‘Abdullah Bin ‘Amr yang dianggap lemah dengan lafaz *al-Firqah al-Nājiyah* (*Ma ana ‘alayhi wa ashabi*), terjawab apabila dikenal pasti bahawa riwayat dengan lafaz tersebut adalah *da’if* berikutan kelemahan sanadnya. Sehubungan itu, perbezaan pada lafaz tersebut tidak boleh diambil kira sebagai riwayat yang diterima. Walaupun begitu, riwayat tersebut sering kali dirujuk bagi menjelaskan maksud kepada *al-Jamaah* dan tidak dianggap bercanggah dengan pengertian *al-Jamaah*.

Penolakan terhadap hadis ini dengan hujah semata-mata bahawa hadis ini tidak terdapat di dalam sahih al-Bukhari dan sahih Muslim sebagaimana di dakwa oleh Yusuf al-Qaradhawi (1995) adalah pendapat yang dangkal dan tidak berdasarkan kepada metode ulama hadis dan Islam. Kebanyakan keraguan terhadap hadis ini bukan berdasarkan kepada sandaran sanadnya tetapi lebih kepada salah faham terhadap pengertian hadis. Penulis telah menjawab isu salah faham tersebut di dalam tesis bertajuk “*Hadith Iftirāq al-Ummah: Satu Analisa Menurut Metode Ahli Hadis Dan Pendekatan Terhadap Senario Perpecahan Umat Masa Kini*” (Mohd Zohdi Mohd Amin, 2002).

Hadis *Iftirāq al-Ummah* yang berstatus *da’if* atau terlalu *da’if*

Sembilan daripada 14 periyatan hadis ini pada kedudukan yang *da’if* dan sebahagiannya terlalu *da’if* untuk dijadikan hujah. Periyatan yang dimaksudkan ialah:

- i. Hadis Riwayat ‘Abdullah Bin Mas’ud, dengan pertambahan dan perbezaan lafaz akhirnya: (... نَحَا مِنْهَا ثَلَاثٌ، وَهَلْكَ سَاعِدُهَا)
- ii. Hadis Riwayat ‘Amr Bin ‘Awf, dengan pertambahan lafaz: (... إِنَّمَا تَفْرِقُونَ عَلَى اسْتِبْرَى وَسَبْعِينَ فِرْقَةً كُلُّهَا ضَلَالٌ إِلَّا فِرْقَةُ الْإِسْلَامِ وَجَمَاعُهُمْ)
- iii. Hadis Riwayat ‘Abdullah Bin ‘Amr, dengan pertambahan lafaz: (... قَالُوا: وَمَنْ هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: "مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي")
- iv. Hadis Riwayat ‘Abdullah Bin ‘Umar, dengan lafaz: (إِنَّ فِي أُمَّتِي لَنِيَّا وَسَبْعِينَ دَاعِيَا كُلُّهُمْ دَاعٍ إِلَى النَّارِ، لَوْ أَشَاءَ لَأَنْبَثُكُمْ بِآبَائِهِمْ وَقَبَائِهِمْ)
- v. Hadis Riwayat Sa‘d Bin Abi Waqqas, dengan pertambahan lafaz: (...)

- "...كُلُّ فِرْقَةٍ مِنْهَا فِي النَّارِ إِلَّا وَاحِدَةٌ وَهِيَ الْجَمَاعَةُ"
- vi. Hadis Riwayat 'Ali Bin Abi Talib dengan pertambahan lafaz:
"إِنَّمَا أَنْصَبُهُمْ وَأَخْبَثُهُمْ مِنْ يَتَشَيَّعُونَ"
- vii. Hadis Riwayat Abū Darda' dan Wathilah Bin Al-'Ashqa', dengan pertambahan lafaz:
"كُلُّهُمْ عَلَى الصَّلَالَةِ إِلَّا السَّوَادُ الْأَعْظَمُ".
قالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَنِ السَّوَادُ الْأَعْظَمُ؟ قَالَ: "مَنْ كَانَ عَلَى مَا أَنَا عَلَيْهِ، وَأَصْحَابِي مَنْ لَمْ يُمْكَنْ فِي دِينِ اللَّهِ، وَمَنْ لَمْ يُكَفِّرْ أَحَدًا مِنْ أَهْلِ التَّوْحِيدِ بِذَنْبٍ عُفِرَ لَهُ"
- viii. Hadis Riwayat Jabir Bin 'Abdullah, dengan pertambahan lafaz:
"كُلُّهُمْ فِي النَّارِ إِلَّا وَاحِدَةٌ". فَقَالَ عُمَرُ بْنُ الخطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ: أَخْبِرْنَا مَنْ هُمْ؟ قَالَ: "السَّوَادُ الْأَعْظَمُ"

Kesimpulan

Berdasarkan analisis terhadap sanad hadis ini, didapati bahawa hadis *Iftirāq al-Ummah* ini mempunyai sandaran yang kuat serta saling menguatkan di antara satu sama lain. Kedudukan hadis ini secara keseluruhan tidak kurang dari status hasan. Namun begitu terdapat beberapa riwayat hadis ini yang pada kedudukannya lemah dan tidak dapat dikuatkan kerana terdapat kelemahan pada periyatannya atau mempunyai 'illah ataupun shazz. Di antara lafaz hadis yang lemah ialah hadis yang menjelaskan bahawa *al-Firqah al-*

Rujukan

- Abū al-Layth, D. M. -K. (1999). *Abū al-Layth, Dr. MuhamTakhrij al-hadith- nash'atihi wa manhajiyatih*. Selagor: Dār al-Shākir.
- Abu Ya'la al-Mawsili, A. b. (1987). *Musnad Abi Ya'la al-Mawsili*. Dimashq: : Dar al-Ma'mun li al-Turath.
- al- Khatib, A. b. -B. (t. th). *Tarikh al-baghdad* (Vol. 16). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Selain itu, turut dikenal pasti tiga riwayat yang mempunyai lafaz yang agak ketara perbezaannya berbanding dengan riwayat yang sahih. Kesemua riwayat tersebut tidak dapat diterima sebagai riwayat yang sahih kerana isnadnya yang terlalu *da if*. Riwayat yang dimaksudkan ialah: Dua riwayat daripada hadis Anas bin Malik, dengan lafaz:

"نَفَرَ قَوْمٌ أُمَّيَّةٌ عَلَى بِضْعٍ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً كُلُّهَا فِي الْجَنَّةِ إِلَّا فِرْقَةً وَاحِدَةً وَهِيَ الزَّنَادِقَةُ"

Satu riwayat daripada hadis 'Awf bin Malik melalui tariq Jabir bin Nufayr. Walaupun isnadnya sahih, tetapi dikenal pasti mengandungi *illah* oleh sekumpulan para ulama hadis. Riwayat yang dimaksudkan mempunyai lafaz berikut:

"نَفَرَ قَوْمٌ أُمَّيَّةٌ عَلَى بِضْعٍ وَسَبْعِينَ أَعْظَمِهَا فِتْنَةً عَلَى أُمَّيَّةٍ، قَوْمٌ يَقِيسُونَ الْأُمُورَ بِرَأْيِهِمْ فَيُحَلِّلُونَ الْحَرَامَ وَيُجَرِّمُونَ الْحَلَالَ"

Nājiyah ialah *Ma ana 'alaihi wa ashabi* (ما أنا (عَلَيْهِ وَاصْحَابِي). Manakala lafaz yang sahih dalam menjelaskan bahawa *al-Firqah al-Nājiyah* ialah *al-Jama'ah* (الجماعَة) atau *al-Sawad al-A'zam* (السَّوَادُ الْأَعْظَمُ). Penolakan terhadap hadis ini kebanyakannya lebih tertumpu pada keraguan terhadap pengertian hadis ini dan bukan berdasarkan kepada sandaran sanadnya.

- al-'Ajluni, I. b. (1997). *Kashf al-khafa' wa muzil al-ilbas 'amma ishtahara min al-ahadith 'ala alsinah al-nas*. Beirut: Mu'assasah Manahil al-'Irfan.
- al-Arna'ūt, S. (1997). *Mausu'ah al-hadithiyyah* (Vol. 19). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Baghdadi, A. M. (1994). *al-Farq bayna al-firaq*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

- al-Bayhaqi, A. b. -H. (1984). *al-Madkhal ila al-sunan al-kubra*. Beirut: Dar al-Khulafa' li al-kitab al-Islami.
- al-Bukhari, M. b. (1986). *al-Tarikh al-kabir* (Vol. 7). Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Busiri, A. b. (1993). *Misbah al-zujajah fi zawa'id Ibn Majah* (Vol. 3). Kaherah: Matba'ah Hassan.
- al-'Ani, W. b. (1999). *Manhaj dirasah al-asanid wa al-hukmu 'alayha*. (A. a. -B. -N. 'Umar Sulayman, Ed.) Amman: Dar al-Nafais.
- al-Dhahabi, M. b. (1985). *Ma'rifah al-ruwat al-mutakallim fihim bima la yujibu al-radd*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- al-Dhahabi, M. b. (1992). *Kashif fi ma'rifah man lahu riwayah fi al-Sunnah*. : Mu'assasah cUulum al-Qur'an. Jiddah: Mu'assasah cUulum al-Qur'an.
- al-Dhahabi, M. b. (1995). *Mizan al-i'tidal fi naqd al-rijal* (Vol. 6). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Dhahabi, M. b. (1998). *Tadhkirah al-huffaz* (Vol. 1). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Hakim, A. ' .-N. (1990). *al-Mustadrak 'ala al-sahihayn* (Vol. 1). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Haythami, N. a. -D. (1987). *Majma' al-zawa'id wa manba' al-fawaid* (Vol. 7). Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- al-'Iraqi, A. a. -F. -D. -R. -H. (1990). *al-Mughni 'ala hamal al-asfar fi al-asfār fi takhrīj ma fi al-ihya' min al-akhbar* (Vol. 2). al-Dawlah: Dar al-Thaqafah.
- al-Isfarayaini, A. M. (1940). *Tabṣir fi al-din wa tamyiz al-Firqah al-Nājiyah 'an al-firqah al-halikah*. (M. Z. -H. al-Kawthari, Ed.) Kaherah: Matba' al-Anwar.
- al-Khatib, A. b. -B. (1997). *Kitab al-fiqh wa al-mutafaqqih* (Vol. 1). Riyadh: Dar al-Jawzi.
- al-Mizzi, Y. b. -Z. (1980). *Tahdhib al-kamal fi ma'rifat al-rijal* (Vol. 14). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Mubarakfuri, M. ' . -R. -R. (1995). *Tuhfah al-ahwadhi bi sharh Jami' al-Turmudhi* (Vol. 7). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Munawi, M. b. -R. (1980). *Fayd al-qadir sharh al-jami' al-saghir min ahadith al-bashir* (Vol. 2). Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Qaradawi, Y. (1995). *al- Sahwah al-Islamiyyah bayna al-ikhtilaf al-mashru' wa al-tafarruqi al-madhmum*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Sakhawi, M. b. -R. (1986). *al-Maqasid al-hasana*. Beirut: Dar al-Hijrah. h. 159. Beirut: Dar al-Hijrah.
- al-Sakhawi, M. b. -R. (1998). *al-Ajwibah al-mardiyah fi ma su'ilā al-Sakhawi 'anhu min al-ahadith al-Nabawiyyah*. (Vol. 2) Beirut: Dar al-Rayah.
- al-Saqqaf, H. ' . (1998). *Fikr al-Al al-Bayt sahih sharh al-'aqidah al-tahawiyyah*. Amman: Dar al-Imam al-Nawawi.
- al-Shatibi, I. b. (1997). *al-I'tisam*. (M. H. Ta'muh, Ed.) Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Suyuti, A. a. -R. (1996). *Tadrib al-rawi fi sharh taqrib al-Nawawi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Tabrani, S. b. (1988). *al-Mu'jam al-kabir*. (H. ' . -M. al-Salafi, Ed.) Iraq: Matba'ah al-Zahra' al-Hadithah al-Mahdudah.
- al-Turmudhi, A. ' . (1995). *Sunan al-Turmudhi* (Vol. 7). Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- al-Turmudhi, M. b. (1967). *Sunan al-Turmudhi*. (' . al-Da'as, Ed.) Homs: Matabi' al-Fajar.
- al-Uqayli, M. b. (1984). *Kitab al-du'afa' al-kabir* (Vol. 4). Beirut: Dar al- Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Wadi'i, M. b. (1991). *al-Sahih al-musnad minma laysa fi al-sahihayn*. San'a': Maktabah al-Quds (Vol. 1). San'a': Maktabah al-Quds.
- al-Wadi'i, M. b. (n. d.). *al-Sahih al-musnad minma laysa fi al-sahihayn*, , Sanca', 1991, jil. 1, hlm. 353. San'a': Maktabah al-Quds.
- al-Zayla'i, ' . b. (1994). *Takhrij al-ahadith wa al-athar al-waqi'ah fi tafsir al-kashshaf – li al-Zamakhshari* (Vol. 1). Riyad: Dar Ibn Khuzaimah.
- Badawi, ' . a. -R. (1971). *Madhabib al-Islamiyyin - al-Mu'tazilah dan al-Asha'irah* (Vol. 1). Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Bahshal, A. b. -R. -W. (1986). *Tarikh wasit*. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Hanbal, A. b. (1990). *Musnad al-shamiyyin min musnad Ahmad bin Hanbal* (Vol. 1). (' . M. Jammaz, Ed.) Dawlah: Dar al-Thaqafah.
- Hanbal, A. b. (1995). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal* (Vol. 7). (S. A. Muhammad, Ed.) al-Kaherah: Dar al-Hadith.
- Humayd, ' . b. (1988). *al-Muntakhab min musnad Abd bin Humayd*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah.
- Ibn Abi 'Asim, A. B. (1994). *Kitab al-sunnah*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Ibn al-Salah, ' . b. -R. (1986). *Ibn al-Salah, 'Uthman bin 'Abd al-Rahman*. (1986).

Kedudukan Hadith Iftiraq al-Ummah Menurut Neraca Para Ulama Hadis

- Muqaddimah Ibn al-Salah.* Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir. h. 31. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Ibn al-Wazir, M. b. (1992). *al-'Awasim wa al-qawasim fi al-dhabbi sunnati Abi al-Qasim* (Vol. 3). (M. b. -‘. -q. -A. -A. Ibn al-Wazir, Ed.) Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Ibn Hajar, A. b. -‘. (1997). *Hadyu al-sari muqaddimah fath al-bari.* Beirut: al-Maktabah al-Risalah.
- Ibn Hajar, A. b. -‘. (1997). *Nuzhah al-nazar fi taudih nukhbah al-fikar.* Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah.
- Ibn Hajar, A. b. -‘. (1997). *Taqrib al-Tahdhib* (Vol. 2). (K. M. Shiha, Ed.) Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Hajar, A. b. -c. (1986). *Lisan al-Mizan.* Beirut: Mu'assasa al-'Alami.
- Ibn Hazm, ‘. b. (t. th). *al-Fasl fi al-milal wa al-nihal* (Vol. 3). Jiddah: Dar 'Uqaz.
- Ibn Hibban, M. (1975). *al-Thiqat.* Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hibban, M. (1987). *al-Ihsan bi tartib Sahih Ibn Hibban* (Vol. 14). Beirut: Dar al-Kutub al-Imam Yahya.
- Ibn Ibi 'Asim, A. B. (1994). *Kitab al-sunnah.* Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Ibn Jawzi, J. a. -D. -R. (1994). *Talbis iblis.* Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Majah, M. b. -Q. (1997). *Sunan Ibn Majah* (Vol. 4). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Mohd Zohdi Mohd Amin (2002). *Hadith Iftirāq al-Ummah: Satu Analisa Menurut Metode Ahli Hadis Dan Pendekatan Terhadap Senario Perpecahan Umat Masa Kini,* Tesis Sarjana, Jabatan Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Murtada, M. b. -H. (1994). *Ithaf al-sadah al-muttaqin.* Dimashq: Dar al-Fikr. j. 8, h. 141. (Vol. 8). Dimashq: Dar al-Fikr.